



SIARAN MEDIA

JAWATANKUASA EKSEKUTIF MENGENAI DASAR SEKURITI MAKANAN NEGARA ADAKAN MESYUARAT PERTAMA

KUALA LUMPUR: Buat julung kalinya, Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee telah diadakan di Kuala Lumpur hari ini untuk membincang dan mempertimbangkan aspek tadbir urus jawatankuasa ini agar selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan pelaksanaan Dasar Sekuriti Makanan Negara yang lebih holistik dan mampan dapat dicapai.

Jawatankuasa Eksekutif ini dipengerusikan oleh YB Menteri dengan keahlian 17 Ahli tetap yang terdiri daripada Ketua-ketua setiausaha kementerian/Ketua-ketua jabatan dan agensi. Turut terlibat bersama adalah ahli-ahli akademik, pemain-pemain industri dan badan bukan kerajaan (NGO).

Jawatankuasa yang ditubuhkan pada 29 April 2020 ini bertanggungjawab sebagai *coordinating committee* dalam mencadangkan strategi dan pelan tindakan berkaitan sekuriti makanan negara untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri kelak. Selain itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab dalam mengenal pasti intervensi Kerajaan bagi mencapai objektif yang disasarkan seperti penggunaan teknologi terkini, pembiayaan kredit dan aktiviti pertanian yang mempunyai nilai tambah yang tinggi bagi menjadikan sektor pertanian antara penyumbang utama pertumbuhan ekonomi negara.

Jawatankuasa Eksekutif ini akan dibantu oleh empat (4) cadangan Kluster berdasarkan dimensi-dimensi yang digariskan dalam kerangka sekuriti makanan negara iaitu ketersediaan, kemampuan, keselamatan serta kestabilan dan kemampunan bakal melibatkan mobilisasi Jawatankuasa Kabinet atau Majlis sedia ada di bawah Kementerian dan Agensi.

Idea-idea dan saranan-saranan yang diketengahkan oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Eksekutif ini akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang akan bersidang pada 12 Ogos 2020 di Parlimen.

Diharapkan bahawa platform ini akan dapat menyumbang dalam mengukuhkan Sekuriti Makanan Negara dan seterusnya meningkatkan kemakmuran bersama.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
14 JULAI 2020